

APA ITU CLEANSING OIL?

- Cleansing Oil biasanya dirumus dengan campuran pelbagai jenis minyak yang bagus untuk kulit untuk bantu singkirkan minyak yang tidak baik pada kulit.
- Cleansing oil ni berfungsi untuk mencuci dan membersihkan kotoran dan impurities yang mengandungi minyak seperti makeup dan sunscreen.
- Waterproof Makeup atau Transfer-proof makeup akan lebih berkesan untuk dibersihkan jika menggunakan Cleansing Oil.
- Cleansing Oil mampu menarik minyak yang ada pada kulit sekaligus menyingkirkan minyak tersebut.
- Penggunaan Cleansing Oil ni mampu untuk membersih liang pori tersumbat daripada sisa minyak sebum serta kotoran lain
- Penggunaan Cleansing Oil juga bantu untuk elak kulit jadi terlalu kering selepas mencuci wajah.

BOLEH KE ORANG YANG MEMILIKI KULIT BERMINYAK & BERJERAWAT GUNAKAN CLEANSING OIL NI?

- Cleansing Oil ni akan bantu untuk singkirkan segala minyak yang ada pada kulit kita dan juga kotoran yang menyumbat pori. Jadi, orang yang ada kulit berminyak dan berjerawat pun boleh pakai Cleansing Oil ni.

CARA MENGGUNAKAN CLEANSING OIL

- Pastikan tangan dan wajah kering tanpa sebarang air.
- Pump cleansing oil pada tapak tangan kemudian urut lembut pada seluruh wajah.
- Basahkan tangan dan urut pada wajah sehingga cleansing oil tersebut berubah tekstur menjadi seakan putih susu. Teknik ni dipanggil emulsify.
- Selepas cleansing oil bertukar menjadi putih susu, baru bilas wajah sehingga bersih.

KENAPA PERLU EMULSIFY CLEANSING OIL?

- Proses emulsify cleansing oil ni adalah apabila kita gunakan air untuk melt cleansing oil.
- Proses ni akan bantu untuk pastikan cleansing oil yang kita gunakan tu akan dapat dibilas dengan sempurna.
- Jika kita tak emulsify cleansing oil tu, sisa minyak pada cleansing oil akan tertinggal pada kulit dan akan buat kulit kita rasa berminyak dan melekit.
- Jadi, sebelum bilas dengan air, pastikan kita emulsify cleansing oil terlebih dahulu.

CLEANSING OIL NI HANYA DIGUNAKAN KALAU KITA PAKAI MAKEUP SAHAJA KE?

- Cleansing Oil ni bukan sahaja digunakan untuk remove makeup tapi ia juga bantu untuk bersihkan sunscreen yang kita pakai. Jadi, walaupun tak pakai makeup, cleansing oil ni masih perlu digunakan setiap hari.
- Ini kerana, Cleansing Oil akan bantu untuk elakkan pori dari tersumbat dengan minyak pada wajah kita.
- Jadi kalau nak pori sentiasa bersih, gunakan cleansing oil ni setiap hari!

CLEANSING OIL NI AKAN BUAT PORI JADI TERSUMBAT KE SEBAB IANYA ADALAH MINYAK?

- Tak. Penggunaan Cleansing Oil ni akan buat pori jadi lebih bersih. Dan jika selalu digunakan, blackhead & whitehead akan semakin berkurangan dan susah untuk muncul pada kulit.

ANTARA KEBAIKAN MENGGUNAKAN CLEANSING OIL?

- Kulit kekal lembap selepas cucian.
- Mengurangkan jerawat, blackhead, whitehead.
- Membersihkan pori secara mendalam. Kulit rasa sangat bersih selepas cucian.
- Mampu membersihkan waterproof & transferproof makeup
- Buat kulit nampak lebih bersih, sihat & glowing
- Rahsia kulit awet muda & kekal anjal bagi orang korea.

SIAPA YANG SESUAI GUNAKAN CLEANSING OIL?

- Semua jenis kulit sesuai menggunakan cleansing oil.

CLEANSING OIL – WITH GERANIUM OIL, JOJOBA OIL & ACMELLA FLOWER

APA YANG MEMBEZAKAN CLEANSING OIL NI DENGAN OIL CLEANSER YANG LAIN?

- Mengandungi kandungan Geranium Oil & Jojoba Oil yang sangat terkenal dengan kebaikannya untuk kulit terutamanya untuk bersihkan kulit dari bakteria punca jerawat.
- Rumusan dari 3 bahan utama yang memfokuskan kepada rawatan kulit kekal anjal & awet muda (tinggi anti-aging properties)
- Sesuai untuk semua jenis kulit termasuk kulit sensitif
- Melembap dan melembut kulit tanpa menyebabkan kulit rasa melekit atau terlalu kering
- Bantu untuk singkirkan/bersihkan solekan pada wajah termasuklah waterproof makeup
- Kulit rasa bersih selepas setiap penggunaan
- Rahsia kepada kulit bersih, glowing & sihat.

BAHAN UTAMA DALAM CLEANSING OIL

Glycereth-26/Polysorbate 20, Mineral Oil, C12-C15 Alkyl Benzoate, Pelargonium, Graveolens (Geranium) Oil, Simmondsia Chinensis (Jojoba) Seed Oil, Caprylic/Capric Triglyceride, Spilanthes Acmella Flower Extract (100ml)

**Cleansing Oil ini tidak mengandungi fragrance. Bau wangi yang terhasil adalah daripada campuran geranium oil & acmella flower ekstrak.*

- **GERANIUM OIL** (*diekstrak dari bunga rose geranium*)
 - Bantu untuk mengawal pengeluaran sebum dari kulit
 - Menyeimbangkan kadar lembapan dan minyak pada kulit
 - Menjadikan kulit lebih anjal
 - Bersifat non-irritant dan non-sensitizing. Sangat sesuai digunakan oleh semua jenis kulit termasuk kulit sensitif.
 - Tinggi kandungan anti oksida untuk lindungi kulit dari radikal bebas punca kulit rosak
 - Jenis minyak terbaik digunakan untuk rawat masalah kulit berminyak dan congested skin.
 - Terkenal dengan kebaikannya untuk merawat penuaan kulit, kedutan dan kekeringan kulit.
 - Bantu untuk memudarkan penampilan kedutan dan garis halus pada wajah.
 - Bersifat anti bacterial dan anti-inflammatory yang bantu untuk menjaga kecantikan dan kesihatan kulit
 - Bantu kulit nampak lebih awet muda dan bantu mencerahkan kulit.
 - Bantu untuk membersihkan pori tersumbat, menyingkirkan lebihan minyak pada wajah dan merawat inflamasi kulit seperti aczema dan jerawat.
 - Sifat anti bacterial dan antiseptic nya mampu menghalang bakteria dari memasuki liang pori dan menyebabkan masalah kulit seperti jerawat.
 - Memudarkan parut pada kulit
 - Mengandungi astringent yang akan bantu untuk menganjalkan kulit disamping mengurangkan kedutan kulit.
 - Mengandungi kandungan fatty acid yang bagus untuk pembentukan sel kulit yang sihat.

- Bantu menyingkirkan kotoran pada kulit, membersihkan pori tersumbat dan menjadikan kulit lebih halus, lembut dan segar.
- **JOJOBA OIL**
 - Melembap kulit secara berpanjangan.
 - Jojoba oil mengandungi humectant yang bertindak untuk menghasilkan lapisan pelindungan pada kulit untuk mengelakkan kulit dari kehilangan lembapan.
 - Mudah menyerap pada kulit dan bantu untuk melembap dan menjadikan kulit nampak sihat & glowing
 - Bagus untuk kulit.
 - Megandungi Vitamin E yang tinggi kandungan antioksidan yang akan bantu untuk lindungi kulit dari radikal bebas.
 - Bersifat anti-aging
 - Mengelakkan keanjalan kulit dan mengurangkan tampilan kedutan dan garis halus pada kulit wajah.
 - Lembut pada kulit dan bersifat non allergenic. Sesuai untuk semua jenis kulit termasuk kulit sensitif.
 - Jojoba oil bantu untuk mengawal penghasilan sebum dan elakkan kulit jadi terlalu berminyak.
 - Jojoba Oil turut bantu kulit jadi lebih lembap dan lembut.
 - Bantu rawat masalah jerawat dan pudarkan parut akibat jerawat
- **ACMELLA FLOWER** (*berasal dari negara brazil*)
 - Terkenal dengan kebaikan anti-aging
 - menjadikan kulit kekal anjal
 - memudarkan tampilan kedutan pada kulit
 - melambatkan pembentukan kedutan pada kulit
 - kulit jadi lebih lembut
 - tinggi anti oksida untuk lindungi kulit dari radikal bebas
 - merangsang penghasilan kolagen dalam kulit dan bantu agar kulit dapat menyerap kebaikan dari penggunaan produk penjagaan wajah

DOUBLE CLEANSING DENGAN CLEANSING OIL

APA ITU DOUBLE CLEANSING?

- Double cleansing adalah teknik cucian wajah dengan menggunakan dua jenis cleanser
 1. Oil-based cleanser
 2. Water-based cleanser. (cleanser harian yang digunakan setiap hari)

KENAPA PENTINGNYA DOUBLE CLEANSING NI?

- Double cleansing ni penting untuk pastikan segala kotoran pada wajah dapat disingkirkan dengan sempurna lebih-lebih lagi kotoran yang menyumbat pori kita.
- Ini kerana water based cleanser biasanya akan membersihkan kotoran seperti debu-debu dan peluh sahaja. Minyak dan makeup tak dapat dibersihkan dengan sempurna kalau hanya gunakan water based cleanser.
- Penggunaan Oil-Based Cleanser ni akan bersihkan oil based impurities, Water-based Cleanser akan bersihkan water based impurities.

BILA PERLU LAKUKAN DOUBLE CLEANSING NI?

- Double Cleansing biasanya dilakukan pada rutin penjagaan sebelah malam. Rutin pagi tidak memerlukan cucian Double Cleansing.